

Kerana komisen sanggup khianat—Dr. M

# Penyeleweng saham dibidas

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia



DR. MAHATHIR

**ALOR SETAR, Rabu —** Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed hari ini mengecam hebat sikap setengah golongan Bumiputera yang melakukan penyelewengan dengan tujuan mengagalkan matlamat dasar ekonomi baru kerajaan.

Beliau mendedahkan terdapat kegiatan di kalangan Bumiputera tertentu yang menjadi agen orang lain untuk membeli saham-saham yang diperuntukkan kepada Bumiputera.

"Mereka melakukan pengkhianatan itu bagi men-

OLEH ZAINAL BUJAL

dapatkan komisen yang kecil, kadang-kadang berpuashati hanya dengan lima atau sepuluh sen" katanya ketika merasmikan sidang perwakilan UMNO bahagian Alor Setar di Tapian Gelanggang di sini.

"Saya boleh menyenaraikan lain-lain perbuatan salah seperti itu yang dilakukan semat-mata kerana dorongan nafsu ingin mendapatkan kekayaan kilat dan tidak sabar menunggu keuntungan yang memakan masa lama," tambah beliau.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, tujuan kerajaan ialah supaya Bumiputera memiliki saham-saham syarikat dan firma asing serta membolehkan penyertaan mereka di semua bidang.

Tetapi, teganya, apa yang berlaku sekarang mereka menjual saham-saham itu bagi mendapatkan keuntungan serta-merta.

Katanya, akhbar saham-saham yang sepatutnya dimiliki oleh Bumiputera jatuh ke tangan orang lain, usaha kerajaan membolehkan Bumiputera memiliki 30 peratus saham-saham di negara ini menjelang 1990 akan terjejas dan gagal.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan tindakan kerajaan membekukan penjualan saham kepada Bumiputera melalui unit penyertaan Bumiputera adalah bertujuan mempastikan matlamat dasar ekonomi baru menjadi nyata dalam tempoh sepuluh tahun lagi.

Beliau berkata, adalah menjadi hasrat kerajaan agar menjelang tahun 1990, Bumiputera memiliki 30 peratus sumber-sumber kekayaan negara termasuk firma-firma yang ketika ini dimiliki oleh orang-orang asing.

## Siasia

Katanya, kerajaan berjaya memujuk firma-firma itu supaya menjualkan saham-saham mereka kepada bumiputera dengan harga yang jauh lebih murah dari harga pasaran.

Saham-saham berharga \$2 di pasaran saham negara, misalnya, dijual kepada Bumiputera dengan harga \$1 sahaja, dengan tujuan membolehkan Bumiputera mampu membeli saham-saham tersebut.

"Tetapi sedihnya, mereka menjual saham-saham yang dikhaskan kepada mereka kepada orang lain semata-mata bagi memperolehi keuntungan yang cepat tanpa memikirkan keuntungan yang berlipatganda jika mereka beraabar," katanya.

"Orang-orang seperti itu bukan sahaja sanggup menjual tanah dan saham tetapi juga tergamak menjual baja yang diberikan oleh kerajaan dengan percuma," tambahnya lagi.

# Usaha baiki taraf hidup akan sia2

Dari Muka 1

"Selagi orang-orang Melayu mempunyai sifat dan sikap demikian, usaha kerajaan mengadakan segala kemudahan bagi menolong mereka memperbaiki taraf sosial ekonomi masing-masing akan sia-sia kerana usaha-usaha itu tidak akan mencapai kejayaan," ujarnya.

Beliau menyeru ahli-ahli UMNO yang bertanggungjawab memimpin UMNO ke arah benar dan kebaikan supaya menjaga kepentingan dan hak orang-orang Melayu dan bukan merebut hak orang-orang lain.

Katanya, sekiranya orang Melayu diberi peluang membeli saham bagi membolehkan mereka mempunyai penyertaan dalam segala bidang perniagaan, mereka seharusnya mengekalkan pemilikan saham itu selama-lamanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perusahaan berkata, kerajaan hanya mempunyai kuasa menentukan dasar, memperuntukkan wang, menyediakan kemudahan-kemudahan dan mengambil apa juga tindakan bagi menjayakan sesuatu matlamat.

Tetapi tegasnya, segala usaha tersebut tidak mungkin berjaya melainkan mereka yang menerima bantuan-bantuan itu sanggup bekerja keras, memiliki ilmu-ilmu pengetahuan penting dan sanggup menahan nafsu.

Berucap semasa merasmikan Masjid As-solihin di Taman Muhibbah dekat sini kemudiannya, Timbalan Perdana Menteri berkata umat Islam dewasa ini hendaklah mencontohi tauladan kejayaan kaum muslim yang menyebarkan syiar Islam di seluruh dunia.

Katanya, usaha-usaha mengembangkan Islam kepada orang yang belum memeluk agama suci itu mestilah mengikut cara-cara seperti yang dilakukan oleh pendakwah-pendakwah Arab dan India yang sanggup menyeberang lautan di zaman dahulu.

"Sudah tentu jika kita ingin menginsafkan orang-orang yang masih belum melihat cahayanya, kita mesti membuktikan kenyataan bahawa Islam membawa kejayaan bagi menarik minat mereka," katanya.

"Bagi menarik mereka kepada agama Islam kita mesti membuktikan bahawa Islam tidak menjadi penghalang kepada kemajuan," tambahnya.